moa INCORPORATED
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA

# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## RABU 17 JULAI 2019

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br><br>3.<br>4.<br>5.<br>6.<br><br>7.<br>8.<br>9.<br><br>10.<br><br>11.<br><br>12.<br><br>13. | NELAYAN PERLU PAMPASAN SETIMPAL, DALAM NEGERI, UM -8<br>KERAJAAN P. PINANG ATUR TAKLIMAT KHUSUS UNTUK ANWAR, DALAM NEGERI, UM -8<br>PULAU PINANG PERLU BAYAR PAMPASAN SETIMPAL, NEGARA, KOSMO -12<br>BANTU TEROKA PASARAN DUNIA, BISNES, SH -42<br>NELAYAN PANTAI TIMUR BERHIMPUN, PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT, SH -9<br>CEBURI PENGELUARAN MAKANAN BERASASKAN TUNA, SARAN SALAHUDDIN, PERISTIWA, MINGGUAN AMANAH -30<br>PERISTIWA, MINGGUAN AMANAH -31<br>'COMPENSATE FISHERMEN AFFECTED BY PSR', NATION, THE STAR -8<br>AGRICULTURE MINISTER: PENANG SHOULD GIVE COMPENSATION AND SET BOUNDARY FOR PRESERVATION, NATION, SIN CHEW DAILY -4<br>4,996 FISHERMEN SHOULD GET COMPENSATION AS RESULTS OF PSR PROJECT IN PENANG, NATION, CHINA PRESS -A5<br>PENANG GOVERNMENT URGED TO GIVE COMPENSATION TO 5,000 FISHERMEN AFFECTED BY SEA, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A5<br>MINISTER OF AGRICULTURE: RECLAMATION PROJECT AT SOUTHERN PENANG SHOULD PROTECT FISHERY AREA, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A2<br>MINISTER OF AGRICULTURE: MARINE PRODUCTS CULTIVATION LOSES RM1.6 BIL ANNUALLY, NATION, KWONG WAH YIT POH -A2 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 14.<br>15.<br>16.<br>17.<br>18.<br>19.<br>20.<br>21.<br>22.<br><br>23.<br>24.<br>25.<br><br>26.<br><br>27. | TIADA LESEN LAUT DALAM BUAT WARGA ASING, NEGARA, KOSMO -4<br>APMM RAMPAS BUBU NAGA, SINAR NEGERI UTARA, SH -38<br>PATUHI ZON KONSERVASI PERIKANAN, NASIONAL, SH -11<br>SUARA NELAYAN, MUKA DEPAN, HM -1<br>RANGKA POLISI BAHARU PERIKANAN, SETEMPAT, HM -14<br>GEMA TUNTUT PEMBELAAN, SETEMPAT, HM -14<br>DOF NAFI BERI LESEN LAUT DALAM KEPADA WARGA ASING, SETEMPAT, HM -15<br>PROJEK TAMBAK LAUT PSR JEJAS 4,996 NELAYAN, SETEMPAT, HM -15<br>NELAYAN PANTAI TIMUR DESAK KERAJAAN HAPUS LESEN 'ALI BABA', NASIONAL, BH -17<br>PULAU PINANG PERLU PATUHI ZON KONSERVASI PERIKANAN, NASIONAL, BH -18<br>72 CONDITIONS FOR PENANG PSR PROJECT, NEWS/NATION, NST -12<br>NEW FISHERIES POLICY TO BOOST FISHERMEN'S INTEREST, NEWS/NATION, NST -12<br>300 PROTEST FOREIGN FISHERMEN ABLE TO HOLD LICENSES, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A2<br>FISHERMEN PROTEST OUTSIDE PARLIAMENT AGAINST FOREIGNER WHO POSSESS FISHING LICENSE, NATION, CHINA PRESS -A5 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 28.<br>29. | MAQIS GAGAL CUBAAN SELUDUP SARANG BURUNG WALET, NEGARA, KOSMO -15<br>CUBAAN SELUDUP SARANG BURUNG WALET, DALAM NEGERI, UM -43 | JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS) |
| 30. | LPNM CAUSED GOVERNMENT TO LOSE RM3.71 MIL, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A11 | LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM) |
| 31.<br>32.<br>33.<br>34.<br>35.<br>36.<br><br>37. | KAJIAN, NEGARA, KOSMO -4<br>NANGKA MADU LANCHANG DAPAT PERMINTAAN DI LONDON, BISNES, UM -38<br>TERNAK IKAN PUYU DALAM KOLAM DIY, SETEMPAT, HM -26<br>CUKUP-CUKUPLAH IKAN KITA DIJARAH, MINDA, HM -20<br>ASEAN RESOLVE CRUCIAL TO TACKLE ILLEGAL FISHING WOES, OPINION, NST -65<br>REASSESSMENT NEEDED FOR PESTCIDES IN CAMERON HIGHLAND CROPS, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A12<br>RESIDUAL PESTICIDES DISSOVABLE IN 3 DAYS, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A12 | LAIN - LAIN |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/7/2019 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 8 |

# Nelayan perlu pampasan setimpal

**KUALA LUMPUR 16 Julai** - Kerajaan Pulau Pinang perlu membayar pampasan setimpal kepada kira-kira 4,996 nelayan yang terjejas berikutan pelaksanaan projek penambakan laut di negeri tersebut.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, pembelaan setimpal kepada nelayan itu merupakan tanggungjawab yang perlu dipikul memandangkan projek Penang South Reclamation (PSR) itu merupakan inisiatif dilaksanakan kerajaan negeri.



SALAHUDDIN AYUB



REEZAL MERICAN

"Secara keseluruhan, pelaksanaan projek PSR menjejaskan sejumlah 4,996 nelayan di mana 1,422 daripadanya merupakan nelayan tradisional di Zon A.

"Dianggarkan sebanyak 51,184 tan metrik dengan nilai RM555 juta setahun bagi pendaratan tangkapan marin di Pulau Pinang akan terjejas ekoran kemusnahan kekal berkenaan," katanya ketika sesi pertanyaan menteri di Dewan Rakyat hari ini.

Beliau menjawab pertanyaan **Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican (BN-Kepala Batas)** yang meminta kerajaan menyatakan adakah projek PSR akan menjejaskan hasil tangkapan ikan dan kehidupan laut nelayan.

Sementara itu, menjawab soalan tambahan Reezal Merican iaitu sama ada kementerian akan membantah projek PSR di dalam mesyuarat Majlis Tindakan Fizikal Negara, Salahuddin menjelaskan, keputusan itu perlu dibuat secara kolektif.

"Kabinet mempunyai disiplin jadi segala rancangan ataupun keputusan perlu dibuat secara kolektif. Kami juga telah melaporkan segala maklumat menggunakan kepakaran pegawai profesional.

"Buat masa ini, kementerian tidak boleh memberi keputusan kerana ia tertakluk kepada keputusan Majlis Tindakan Fizikal Negara yang dipengerusikan Perdana Menteri (Tun Dr. Mahathir Mohamad)," katanya.

# Kerajaan P. Pinang atur taklimat khusus untuk Anwar

**PULAU PINANG 16 Julai** - Kerajaan negeri akan mengatur satu taklimat khusus bersama Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim berhubung projek tambakan laut di perairan selatan (PSR) yang akan dibangunkan di negeri ini.

Ketua Menteri, Chow Kon Yeow berkata, kerajaan negeri menerima permintaan daripada pihak Anwar pagi ini yang mahu satu taklimat menyeluruh mengenai isu itu dibentangkan kepada beliau.

"Kerajaan negeri akan aturkan taklimat kepada Anwar, kalau ada wakil rakyat lain (yang ingin turut serta) kita akan aturkan taklimat.

"Anwar minta taklimat menyeluruh, kita baru terima permintaan pada pagi ini dan saya telah arahkan pegawai berkenaan untuk aturkan taklimat ini," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Sebelum ini, Anwar mengadakan sesi pertemuan bersama lebih 200 orang terdiri daripada nelayan, penduduk dan ahli pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di Jeti Nelayan Sungai Batu, Teluk Kumbar bagi mendengar masalah sebenar penduduk yang terlibat berhubung isu PSR.

Pertemuan itu diadakan susulan bantahan sekumpulan nelayan dari negeri ini di Parlimen minggu lalu berhubung projek tersebut yang turut mendapat perhatian Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Menurut Kon Yeow taklimat khusus itu juga akan diatur dalam waktu terdekat di lokasi yang sesuai untuk kerajaan negeri dan Anwar.

"Kalau ada yang anggap di Pulau Pinang sesuai, kita akan aturkan di sini, Parlimen juga tidak bersidang selepas ini, katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 17/7/2019 | KOSMO | NEGARA | 12 |

# Pulau Pinang perlu bayar pampasan setimpal

**KUALA LUMPUR** - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mahu kerajaan negeri Pulau Pinang membayar pampasan setimpal kepada kira-kira 4,996 nelayan terjejas berikutan pelaksanaan projek penambakan laut di negeri tersebut.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub berkata, pembelaan setimpal kepada nelayan merupakan tanggungjawab perlu dipikul kerajaan negeri memandangkan projek tersebut merupakan inisiatif dilaksanakan mereka.

"Secara keseluruhan, pelaksanaan projek tambakan laut di perairan selatan (PSR) menjejaskan sejumlah 4,996 nelayan di mana 1,422 daripadanya merupakan nelayan tradisional di Zon A.

"Dianggarkan juga sebanyak 51,184 tan metrik dengan nilai RM555 juta setahun bagi pendaratan tangkapan marin di Pulau Pinang akan terjejas ekoran kemusnahan kekal berkenaan," katanya pada persidangan Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan **Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican (BN- Kepala Batas)** yang mahu penjelasan adakan PSR akan menjejaskan hasil tangkapan ikan selain jenis pembelaan yang akam diberikan kepada mereka.

Jelasnya lagi, projek tambakan laut itu turut menjejaskan seramai 511 penternak ikan marin dengan anggaran pengeluaran sebanyak 45,742 tan metrik dengan nilai pendapatan berjumlah RM1.67 bilion setahun.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/7/2019 | SINAR HARIAN | BISNES | 42 |

# Bantu teroka pasaran durian

***Festival dan Anugerah Durian Bangi Golf Resort 2019 platform terbaik buat pemain industri***

NORSHAHZURA MAT ZUKI

Festival dan Anugerah Durian Bangi Golf Resort 2019 yang diadakan selama tiga hari bermula dari 12 Julai hingga 14 Julai lalu menjadi platform terbaik bagi pekebun dan syarikat peneraju produk berasaskan durian memperkenalkan produk mereka dalam pasaran yang lebih luas.

Pengarah festival, Tan Ban Keat berkata, festival buat kali kedua yang dianjurkan di Bangi Golf Resort, Bangi Selangor itu disertai oleh 50 peserta melibatkan pekebun dan pelbagai syarikat menghasilkan produk berasaskan durian dari seluruh negara.



Salahuddin (tengah) melihat durian pada Festival dan Anugerah Durian Bangi Golf Resort 2019 di Bangi, Selangor baru-baru ini.

Menurutnya, pelbagai aktiviti menarik diadakan sepanjang berlangsung festival itu seperti pameran teknologi pertanian, Kejohanan Dunia Durian Edisi Malaysia, Larian Durian dan Fiesta Durian

"Saya harap festival ini memberikan peluang kepada pekebun dan peserta untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat mengenai durian," katanya pada Festival dan Anugerah Durian Bangi Golf Resort 2019, Bangi, Selangor baru-baru ini.

Festival dirasmikan oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub.

Hadir sama, Ketua Pengarah Mardi, Datuk Dr Mohamad Roff Mohd Noor.

Ban Keat berkata, beliau yakin usaha kerajaan menjadikan durian sebagai salah satu industri di bawah sumber kekayaan baharu akan memacu potensi dan merangsang pertumbuhannya dalam pasaran tempatan dan global.

Sementara itu, Salahuddin berkata, penganjuran festival dan anugerah durian secara sistematik merupakan satu perkara yang mampu memartabatkan lagi produk berasaskan durian.

"Inisiatif pihak swasta dalam menganjurkan festival dan anugerah sebegini amat dihargai.

"Kita tahu durian ialah satu komoditi yang berharga dan mengumpulkan segalanya berkaitan durian di satu tempat adalah langkah terbaik," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/7/2019 | SINAR HARIAN | PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT | 9 |



# Nelayan Pantai Timur berhimpun

***Desak kerajaan selesai masalah lesen terpakai vesel, peralatan haram***

KUALA LUMPUR

Lebih 500 nelayan dari Pantai Timur berhimpun secara aman di hadapan bangunan Parlimen semalam bagi mendesak kerajaan mengatasi beberapa permasalahan mereka.

Ketua wakil nelayan Pantai Timur, Bahiyuddin Awang @ Harun berkata, ini termasuk penyalahgunaan lesen terpakai vesel zon C2.

"Kami mendesak kerajaan tarik balik lesen-lesen C2 bot terpakai yang pernah dikeluarkan. Timbul masalah apabila rakyat Malaysia sendiri yang sewa lesen itu kepada nelayan dari Vietnam.

"Yang jadi mangsanya ialah rakyat dan negara. Sebab itu kita sekeras-kerasnya membantah dan pergi ke Parlimen hari ini (semalam) untuk memohon Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani membatalkan lesen C2 yang diberi kepada nelayan luar," katanya kepada pemberita ketika ditemui semalam.

Selain itu katanya, mereka juga mahu kerajaan menyelesaikan masalah penggunaan peralatan haram oleh nelayan Vietnam.

"Nelayan kita gunakan pukat tunda ganding, tetapi bila datang nelayan Vietnam mereka sewenang-wenangnya guna peralatan yang diharamkan di negara kita.

"Kesannya sudah tentu kepada ekosistem apabila semua terumbu karang dan tempat pembiakan ikan rosak," katanya.

Pada himpunan itu, wakil kumpulan nelayan menyerahkan memorandum kepada ahli-ahli Parlimen pembangkang yang diwakili Ahli Parlimen Marang, Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

Menurut Abdul Hadi, kerajaan perlu memandang serius isu berkenaan yang bukan saja menjejaskan pendapatan nelayan tetapi mengancam alam sekitar.

Beberapa orang wakil nelayan kemudian menyerahkan memorandum serta mengadakan pertemuan dengan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub.



Abdul Hadi (tiga dari kiri) bersama nelayan Pantai Timur yang menuntut kerajaan menyelesaikan masalah mereka pada perhimpunan aman di pekarangan bangunan Parlimen semalam.

## Tak pernah keluar lesen laut dalam kepada warga asing

**PUTRAJAYA** - Jabatan Perikanan tidak pernah mengeluarkan lesen laut dalam untuk diberikan, disewa atau dipajak kepada warga asing.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dalam satu kenyataan berkata, Jabatan Perikanan di bawah kementerian itu hanya mengeluarkan lesen kepada individu atau syarikat tempatan sahaja.

"Mengulas isu pencerobohan kapal nelayan asing ke perairan negara sejak September 2017, Jabatan Perikanan melalui Jawatankuasa Penilaian Permit Laut Dalam bersetuju untuk tidak lagi mengeluarkan permit laut dalam untuk kapal perolehan dari luar negara (terpakai atau bina baharu) kecuali hanya bina baharu dalam negara melalui pemodenan kapal.

"Tindakan tegas telah diambil dengan melaksanakan pemutihan kapal laut dalam bagi memastikan bot yang berlesen mematuhi undang-undang, syarat dan dasar pelesenan.

"Pihak Jabatan Perikanan juga mengemaskini Akta Perikanan berhubung tafsiran bagi memastikan setiap kes dapat disabitkan kesalahan," menurut kenyataan itu. - *Bernama*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/7/2019 | MINGGUAN AMANAH | PERISTIWA | 30 |



Sate tuna antara hidangan yang digemari ramai.

# Ceburi pengeluaran makanan berasaskan tuna, saran Salahuddin

*Foto* **FACEBOOK SALAHUDDIN AYUB**

USAHAWAN industri kecil dan sederhana (IKS) disarankan terbabit dalam pengeluaran produk makanan berasaskan tuna seiring dengan potensinya untuk menjadi hidangan popular di negara ini.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub, berkata kementeriannya sedang merangka strategi bagi menggalakkan penyertaan usahawan IKS dalam sektor berkenaan, seterusnya menyumbang kepada perkembangan industri tuna tempatan.

"Kita yakin hidangan berasaskan tuna berpotensi menjadi juadah popular di Malaysia, malah boleh 'menakluk' restoran di negara ini. Ia tentunya menarik minat baharu, terutama dalam kalangan pengusaha PKS untuk terbabit dalam penghasilan produk makanan berasaskan tuna.

"Ia memberi impak positif terhadap industri makanan negara, malah usaha itu juga seiring dengan perkembangan positif industri tuna ketika ini," katanya ketika melancarkan Program Pembangunan Usahawan Tuna dan Hidangan Stik Tuna Restoran Mr Noh di Plaza Angsana, 6 Julai lalu.

Hadir sama Ketua Pengarah Perikanan Datuk Munir Mohd Nawi.

Melalui penggunaan teknologi moden dan penambahbaikan resepi menepati citarasa tempatan, selain kempen promosi berterusan, permintaan terhadap produk baharu seperti stik tuna, sate tuna dan burger tuna boleh mencecah sehingga RM750,000 sebulan di seluruh negara.

"Kita amat yakin makanan berasaskan tuna, termasuk dengan pengenalan stik tuna akan menarik minat baharu bukan sahaja kepada warga tempatan, malah pelancong luar.

"Berasaskan nutrien,khasiat dan kelazatan isi ikan tuna yang digemari ramai, kita yakin stik tuna mampu muncul sebagai menu pilihan bukan sahaja bagi pemakanan sihat, bahkan secara tidak langsung menyokong industri huluan dan hiliran berkaitan tuna," katanya.

Sementara itu, Salahuddin berkata, pengeluaran ikan tuna di negara ini diunjurkan mencecah mencecah 130,000 tan menjelang tahun depan, dengan nilai pulangan lebih RM2 bilion.

Katanya,sebagai langkah galakan orang ramai menceburi bidang pengeluaran makanan berasaskan tuna, kementeriannya akan melakukan promosi dan padanan perniagaan secara besar-besaran dengan beberapa pihak.

Beliau berkata, kerjasama dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya juga akan dilakukan bagi memperkenalkan menu berasaskan tuna di hotel dan destinasi pelancongan di negara ini.

"Orang ramai yang berminat menjadi usahawan dalam bidang berkenaan juga boleh berdaftar dengan Jabatan Perikanan bagi mendapatkan bimbingan,"ujarnya.

Tuna Steak merupakan produk inovasi baharu Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) yang diperkenalkan semasa MAHA 2018 yang lalu. Tuna Steak ini dihasilkan 100% daripada ikan Tuna Sirip Kuning (Yellowfin Tuna) yang kaya dengan pelbagai khasiat seperti Omega 3, vitamin A, B6, B12 yang tinggi serta rendah kalori.

DOF telah memudahcara syarikat Dr Tuna (Zambayu) yang berkemampuan sebagai pengedar utama produk tuna di Malaysia, dan seterusnya mengadakan usahasama dengan Island Tuna dan Latuna Burger bagi meluaskan lagi promosi dan pasaran tuna steak, sate tuna dan tuna burger di seluruh negara.

Selain itu, kerjasama juga dibuat dengan Mr. Noh Restaurant untuk memperkenal dan mempromosi tuna steak dan produk-produk tuna yang lain di pasaran tempatan.

Tahun lepas, pendaratan ikan tuna dalam negara ialah sebanyak 100,000 tan metrik. Kita unjurkan menjelang tahun 2020, jumlah ini berupaya ditingkatkan kepada 130,000 tan metrik bernilai RM 1 bilion.



Kalau smoked salmon sentiasa dihidangkan di hotel, mungkin selepas ini tuna steak pula akan dihidangkan secara meluas.



Salahuddin menguji rasa Tuna Steak selepas memperkenalkan menu baharu tersebut di Angsana Johor Bahru Mall baru baru ini.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/7/2019 | MINGGUAN AMANAH | PERISTIWA | 31 |



*Datuk Salahuddin Ayub berucap di Program Tuna Steak dan Pembangunan Usahawan di Johor 6 Julai lalu.*



*Hadir sama Ketua Pengarah Perikanan Datuk Munir Mohd Nawi.*


*Tiga syarikat tempatan menandatangani MOU yang turut disaksikan Salahuddin Ayub.*



*Kerjasama juga dibuat dengan Mr. Noh Restaurant untuk memperkenal dan mempromosi tuna steak dan produk-produk tuna yang lain di pasaran tempatan.*



*Menteri Pertanian, Industri dan Asas Tani melancarkan Program Pembangunan Usahawan Tuna dan Hidangan Stik Tuna.*


*Salahuddin bersama Datuk Munir memperkenalkan Sate Tuna.*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/7/2019 | THE STAR | NATION | 8 |

# 'Compensate fishermen affected by PSR'

THE Penang government must ensure fishermen whose livelihood are affected by the Penang South Reclamation (PSR) project are compensated, says Agriculture and Agro-based Industry Minister Datuk Salahuddin Ayub.

The Ministry, through the Fisheries Department, has also recommended mitigating measures to safeguard the welfare of those affected, he said.

These include gazetting a fishery conservation zone along the coastline from Pulau Betung to Teluk Bahang; gazetting middle bank as a fisheries protected area and modifying the island's shape to providing a migration route to allow prawn species to migrate from eastern Penang to the western area.

He said the state government must also conduct studies on the impact of dredging and reclamation of PSR on the two prawn populations and their fisheries.

> It is estimated that some 51,184 metric tonnes of catch worth RM555mil a year will be affected.
>
> Datuk Salahuddin Ayub

"Noise pollution impact on fish due to dredging and reclamation of PSR," said Salahuddin in reply to Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican (BN-Kepala Batas) who asked if the PSR project would affect the fishermen's catch.

Salahuddin said the reclamation projects must take into consideration the Environmental Impact Assessment (EIA), Social Impact Assessment (SIA) and Fisheries Impact Assessment (FIA).

He said the PSR project would affect 4,996 fishermen in Penang, out of which 1,422 are traditional fishermen.

"It is estimated that some 51,184 metric tonnes of catch worth RM555mil a year will be affected.

"The project will also affect 511 marine aquaculture farmers producing 45,742 metric tonnes of marine fishes worth RM1.67bil a year.

"The Fisheries Department has clearly stated its stand that the PSR project will affect fish catch and marine life.

"This is due to the permanent and residual impact on the mudflat ecosystems, fishing ground, turtle landing zones and part of the coral reef at Pulau Rimau, which is a vital ecosystem for marine life," he added.

Salahuddin added the reclamation areas, especially those with one to two metres deep water during low tide are sensitive areas.

These areas act as nursery and feeding grounds, as well as main migration routes for prawns.

He said that the reclamation of the three islands will take 15 years and the mitigation suggestions can only be done once the reclamation is completed.

The suggestions cannot be implemented immediately to minimise the drop of fishery income, he said.

The PSR is a land reclamation project off the southern coast of the Penang island aimed at creating three man-made islands covering 1,800ha, with parts of the island to be put up for sale.

Many fishermen have protested against the project and have even marched to Parliament to submit a memo on the matter.

| Headline | Agriculture Minister: Penang should give compensation and set boundary for preservation | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 17 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 4 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 160 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,848 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 14,545 |



## 農長：填海影響漁民生計
# 檳須賠償 劃保護區

（吉隆坡16日讯）农业及农基工业部长沙拉胡丁指出，槟城南部填海计划（PSR）会影响渔民生计，槟州政府必须作出适当的赔偿，以及在宪报上划定渔业保护区。

他在国会下议院回答巫统甲抛峇底国会议员拿督斯里利查马力肯的提问时说，PSR计划将会影响4996名渔民的生计，其中1422名渔民是A区传统法捕鱼的渔民。

### 料1年损失逾5亿渔获

他说，此外，这项工程会导致估计一年有5万1184公吨价值5亿5500万令吉的渔获损失。

"预计这项计划也影响511个海鱼养殖业者，每年出口4万5742公吨的渔获，价值1670亿令吉。"

他指出，农业部认为，所有填海计划必须考虑环境评估报告、社会影响评估报告、渔业影响评估报告，确保渔获来源及渔民的福利受保障。

沙拉胡丁说，农业部也通过渔业局向槟州政府建议，在宪报上公布从浮罗勿洞到直落巴港沿岸一海里的区域为渔业保留区、在中途滩（Middle Bank）这片海草床列为渔业保护区。

### 建议研究填土拖网影响

其他建议包括提供潮下带（subtidal zone）的迁徙路径，退潮时深度约1至2公尺以及足够的宽度，让白虾和Sua Lor虾从槟城东部迁徙至西部。

他说，渔业局也建议槟州政府进行2项研究，分别是填土及拖网对上述2种虾的迁徙所造成的影响（一年周期）以及噪音对渔业的影响。

### 需3个月处理滥用执照

另一方面，沙拉胡丁表示，他需要约3个月时间全面处理东海岸渔民投诉的深海捕鱼执照遭到滥用，转租给海外船只的问题。

他今日与东海岸渔民代表进行1个小时的会谈后在国会走廊向媒体说，政府将制定新政策，以全面方式处理此事，不能现在就立即撤销被指违法的渔船执照，包括他需要成立一个专案小组负责提交报告。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | 4,996 fishermen should get compensation as results of PSR project in Penang | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 17 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A5 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 120 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,367 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 7,101 |



# 檳填海影響4996漁民應賠償

（吉隆坡16日讯）农业及农基部长拿督沙拉胡丁阿育说，槟州展开填海建人造岛（PSR）计划，已影响该州4996名，尤其是来自A区的1422名渔民。

他指出，该部预计，PSR计划将让渔民每年失去5万1184公吨的渔产，总值5亿5500万令吉。

他指出，这计划也影响511名海鱼养殖业者，该批业者每年可生产量达4万5742公吨，总值16亿7000万令吉的鱼产。

沙拉胡丁阿育今日在国会下议院的问答环节，如是回答巫统甲抛峇底区国会议员拿督斯里礼查马历肯的提问。

他强调，基于该项计划为州政府所推动，农业部认为，州政府理应为负责渔民的赔偿。

近200名渔民和非政府组织人士早前在国会外和平集会，要求政府正视渔民和环境问题，取消槟岛南部填海计划和霹雳挖沙活动。

一行人上午8时聚集在国家英雄纪念碑，并在代表发言后，于9时开始朝国会方向挺进；他们沿途也高喊“拒绝填海”等各类口号。几名代表预计随后代表进入国会提呈备忘录。

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Penang government urged to give compensation to 5,000 fishermen affected by sea | | |
| MediaTitle | Oriental Daily News | | |
| Date | 17 Jul 2019 | Color | Black/white |
| Section | News | Circulation | 85,616 |
| Page No | A5 | Readership | 256,848 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 135 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,578 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 4,734 |



# 填海计划影响5千渔民 槟政府应赔偿

**吉隆坡16日讯**丨农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁阿育表示，槟岛南部填海计划（PSR）的执行影响了4996名渔民的生计，因此他要求槟州政府对这些渔民做出赔偿。

他说，这4996名的渔民中，有1422名渔民来自传统捕鱼A区。

他指出，这项永久性的破坏，将导致槟城每年会有5万1184公吨，总值5亿5500万令吉的海洋捕捞渔业受挫。

「槟城南部填海计划也将影响水产养殖者的生计，预计每年将损失4万5742公吨，总值16亿7000万令吉的水产。」沙拉胡丁在国会下议院部长问答环节中，回答国阵甲抛峇底国会议员拿督斯里理查尔玛力肯提问时，如是表示。

他说，有鉴于这项计划是由槟州政府提倡，因为农业部建议由州政府负起责任，赔偿和维护在这计划受影响的渔民。同时，他建议槟州政府宪报划定渔业保护区。

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Minister of Agriculture: Reclamation project at southern Penang should protect fishery area | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 17 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A2 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 214 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,692 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 8,075 |



## 农长：影响鱼获

# 槟南填海应保护渔业区

（吉隆坡16日讯）槟州政府在执行槟南填海计划（PSR）时，必需遵循渔业保护区。

农业及农基部长拿督沙拉胡丁阿育今日在下议院的部长问答环节指出，此举是为保护上述计划在执行后，渔获量受影响的当地渔民。

“部门通过渔业局，已在宪报上颁布浮罗勿洞至直落巴巷的海岸线，包括长达1海里的水域为渔业区，以及在宪报上，将中间滩列为渔业保护区。

他也说，州政府也必需调整人造岛的设计，也就是保留1至2公尺深的潮下带迁移通道，以确保退潮至最低水位时，岛屿南部拥有足够的宽度。

他说，槟州渔民应就上述计划，获得相应的赔偿。

“鉴于这项计划是槟州政府的倡议，所以部门认为，受影响的渔民是槟州政府的责任，以及必需采取适当的行动。”

### 影响4996渔民

另外，沙拉胡丁说，整体而言，槟南填海计划将影响4996名槟州渔民，以及其中的1422名是A区的传统渔民。

他说，随着这项永久性破坏，估计1年5万1184公吨，总值5亿5500万令吉的渔获将受影响。

“槟南填海计划也将影响511名海产养殖业者，一年4万5742公吨，总值16亿7000万令吉的海产。”

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Minister of Agriculture: Marine products cultivation loses RM1.6 bil annually | | |
| MediaTitle | Kwong Wah Yit Poh | | |
| Date | 17 Jul 2019 | Color | Black/white |
| Section | Nation | Circulation | 59,667 |
| Page No | A2 | Readership | 179,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 70 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 329 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 986 |



# 农长:填海致永久破坏
# 水产养殖每年损失16亿

（吉隆坡6日讯）农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁指出，执行槟岛南部填海计划（PSR）将影响4996名槟州渔民生计。

他指出，其中1422名属A区传统渔民。

他说，永久性的破坏，将导致预计槟城每年会有5万1184公吨，总值5亿5500万令吉的海洋捕捞渔业受挫。

此外，该填海计划也会影响水产养殖业者，预计每年损失4万5742公吨总值16亿7000万令吉的水产。

他是在国会下议院部长咨询环节回答巫统甲抛峇底国会议员拿督斯里利查马力甘的提问时，如是披露。

沙拉胡丁指出，有鉴于该计划是槟州政府倡议，因此部门建议州政府负起责任，考虑赔偿和维护受影响的渔业业者。#

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 17/7/2019 | KOSMO | NEGARA | 4 |

# Tiada lesen laut dalam buat warga asing

**PUTRAJAYA** - Jabatan Perikanan (DOF) tidak pernah mengeluarkan lesen laut dalam untuk diberikan, disewa atau dipajak kepada warga asing.

Mengulas isu pencerobohan vesel nelayan asing ke perairan negara, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dalam satu kenyataan semalam berkata, DOF hanya mengeluarkan lesen kepada individu atau syarikat tempatan.

"Bermula September 2017, DOF melalui Jawatankuasa Penilaian Permit Laut Dalam bersetuju untuk tidak lagi mengeluarkan permit laut dalam untuk vesel perolehan dari luar negara (terpakai atau bina baharu), kecuali hanya bina baharu dalam negara melalui pemodenan vesel," katanya.

MOA berkata, dianggarkan negara hilang sehingga RM6 bilion hasil laut setiap tahun akibat aktiviti pencerobohan nelayan asing dengan RM1.8 bilion adalah hasil laut dalam dan RM4.2 bilion laut pantai.

Bagi memastikan kedaulatan makanan negara dimartabatkan, tindakan tegas telah diambil dengan melaksanakan pemutihan vesel laut dalam bagi memastikan bot yang diberikan lesen adalah mematuhi undang-undang, syarat dan dasar pelesenan yang ditetapkan serta diberikan kepada pengusaha tulen, kata MOA.

Untuk itu, MOA berkata, DOF sedang mengemas kini Akta Perikanan berhubung tafsiran bagi memastikan setiap kes dapat disabitkan kesalahan.

"Sejak 2015, sebanyak 172 vesel laut dalam dari 353 vesel telah dibatalkan lesen, di samping pembatalan permit yang tidak memenuhi syarat pelesenan," katanya.

MOA berkata, syarat pembaharuan lesen akan diperketatkan dengan penggunaan Kad Laporan bagi vesel laut dalam untuk memberi wajaran serta penalti ke atas prestasi pendaratan ikan, keaktifan alat MTU-VMS, ciri keaslian vesel dan bilangan kesalahan yang dilakukan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 17/7/2019 | SINAR HARIAN | SINAR NEGERI UTARA | 38 |

# APMM rampas bubu naga

**LANGKAWI** - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Kedah dan Perlis merampas sebanyak 41 unit bubu naga kira-kira 1.2 batu nautika barat laut Pulau Rebak Besar di sini kelmarin.

Pengarahnya, Laksamana Pertama Maritim Rozali Mohd Said berkata, Pusat Operasi Maritim Langkawi menerima aduan berkaitan penggunaan peralatan itu kira-kira jam 2.30 petang.

Susulan itu katanya, sebuah bot peronda Maritim Malaysia pergi ke lokasi dan menemui 41 set peralatan menangkap ikan dikenali sebagai *China prawn net trap.*

"Alat ini dipercayai dipasang di beberapa lokasi yang berbeza sepanjang kawasan tersebut. Kesemua bubu itu dibawa ke Jeti APMM Bukit Malut untuk siasatan mengikut Akta Perikanan 1985," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Orang ramai boleh menghubungi talian kecemasan 24 jam MERS 999 atau Pusat Operasi Maritim Malaysia Langkawi di talian 04-9662750 untuk memberi maklumat jenayah berkaitan.



**Antara bubu naga dirampas APMM Kedah dan Perlis kira-kira 1.2 batu nautika barat laut Pulau Rebak Besar semalam.**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/7/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 11 |

# Patuhi zon konservasi perikanan

***Bagi melindungi nelayan yang terjejas berikutan pelaksanaan projek tambak laut***

**KUALA LUMPUR**

PROJEK TAMBAK LAUT PULAU PINANG

Kerajaan Pulau Pinang perlu mematuhi zon konservasi perikanan dalam pelaksanaan projek tambak laut di perairan selatan Pulau Pinang (PSR).

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, ia bagi melindungi nelayan yang terjejas hasil tangkapan ikan dan hidupan laut mereka ekoran pelaksanaan projek itu.

"Kementerian melalui Jabatan Perikanan telah menggariskan penggazetan zon perikanan disepanjang pesisir pantai dari Pulau Betung sehingga Teluk Bahang termasuk kawasan air sehingga satu batu nautika dan penggazetan *middle bank* sebagai kawasan perlindungan perikanan.

"Kerajaan negeri juga perlu mengubahsuai reka bentuk pulau dengan menyediakan laluan migrasi *subtidal zone* sedalam satu hingga dua meter ketika air surut paling rendah dengan kelebaran mencukupi di selatan pulau yang dicadangkan," katanya pada persidangan Dewan Rakyat di Parlimen semalam.

Beliau menjawab soalan **Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican (BN-Kepala Batas)** yang ingin tahu sama ada projek penambakan laut PSR akan menjejaskan hasil tangkapan ikan dan hidupan laut di kawasan tersebut.

Salahuddin berkata, pembelaan atau pampasan yang setimpal kepada nelayan di Pulau Pinang juga harus diberikan akibat projek berkenaan.



SALAHUDDIN

"Projek ini inisiatif kerajaan Pulau Pinang, maka kementerian berpandangan nelayan yang terjejas menjadi tanggungjawab dan perlu diambil tindakan sewajarnya oleh kerajaan negeri," katanya.

Menurutnya, secara keseluruhan pelaksanaan projek PSR akan menjejaskan seramai 4,996 nelayan di Pulau Pinang dengan 1,422 neyalan terdiri daripada nelayan tradisional Zon A.

Beliau berkata, dianggarkan sebanyak 51,184 tan metrik dengan nilai RM555 juta setahun pendaratan perikanan tangkapan marin di Pulau Pinang akan terjejas akibat kemusnahan kekal itu.

"Projek PSR ini juga akan menjejaskan seramai 511 penternak akuakultur (ikan marin) dengan pengeluaran 45,742 tan metrik bernilai RM1.67 bilion setahun," katanya. - *Bernama*

## Pulau Pinang atur taklimat

**GEORGETOWN** - Kerajaan Pulau Pinang akan mengatur taklimat secara menyeluruh mengenai projek tambak laut di perairan selatan Pulau Pinang (PSR) dengan Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Chow Kon Yeow berkata, kerajaan negeri menerima permintaan itu daripada Anwar pagi semalam dan bersetuju mengatur taklimat tersebut seperti yang diminta.

"Kerajaan negeri juga mengalu-alukan wakil rakyat yang berminat untuk menyertai taklimat tersebut yang akan diadakan dalam waktu terdekat," katanya pada sidang media di sini semalam.

Terdahulu, Anwar yang juga Ahli Parlimen Port Dickson mengumumkan akan berjumpa dengan Kon Yeow untuk berbincang dan mendengar penjelasan mengenai projek berkenaan.

Anwar berkata, perjumpaan itu sebagai salah satu usaha untuk menyelesaikan masalah nelayan tradisional yang terlibat dengan projek mega bernilai RM46 bilion itu.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/7/2019 | HARIAN METRO | MUKA DEPAN | 1 |



# SUARA NELAYAN

> Tangkapan merosot teruk, bot dilanggar nelayan Vietnam dan lesen dialibaba yang menjejaskan pendapatan sejak tujuh tahun lalu membuatkan 500 nelayan berarak ke bangunan Parlimen semalam. Mereka mendesak kerajaan menangani isu pencerobohan nelayan asing. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Salahuddin Ayub yang ditemui mereka berjanji akan merangka polisi baru dalam tempoh tiga bulan, lapor Skuad Khas Harian Metro

> 14&15

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/7/2019 | HARIAN METRO | SETEMPAT | 14 |



FOTO: MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI DAN ASYRAF HAMZAH



SALAHUDDIN (tengah) menerima memorandum daripada wakil nelayan yang mengadakan demonstrasi aman ketika Sidang Dewan Rakyat di bangunan Parlimen, Kuala Lumpur.

# Rangka polisi baharu perikanan

**Kuala Lumpur:** Polisi baru perikanan yang bakal dirangka dalam tempoh tiga bulan lagi bukan saja bermatlamat menyelesaikan isu pencerobohan nelayan asing malah turut menguatkuasakan nelayan tempatan bagi meningkatkan hasil sumber laut negara.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) Salahuddin Ayub berkata, jawatankuasa khas di bawah kementeriannya itu akan melihat secara menyeluruh sebelum merangka polisi baharu.

"Saya minta berikan masa tiga bulan untuk meneliti dan membincangkan keseluruhan isu perikanan dengan matlamat meningkatkan sumber laut kita dan mengambil tindakan penguatkuasaan kepada mereka yang langgar peraturan.

"Apabila polisi baharu ini dikuatkuasakan, kita akan tengok lesen dikeluarkan termasuk dan isu bot klon.

"Saya juga tegas tanpa kompromi kepada mereka yang mengalibabakan lesen atau membenarkan pihak asing menggunakan bot mereka untuk angkut hasil laut, jual di tengah laut dan ada yang didaratkan di pelabuhan negara asing termasuk isu jeti (dimonopoli nelayan asing)," katanya.

Beliau memberi jaminan Op Naga gabungan empat kementerian akan diteruskan bagi memastikan perairan negara bebas pencerobohan nelayan asing serta mengawal salah laku nelayan tempatan.

"Dalam tempoh 12 tahun hanya 100 saja vesel asing ditahan tetapi dalam tempoh tiga bulan sejak Op Naga dilancarkan kita berjaya menahan 62 vesel.

"Selain itu, kita akan tunggu keputusan mahkamah ke atas 62 vesel yang ditahan itu. Selepas itu saya buat keputusan musnahkan semua tanpa kompromi lagi. Inilah iltizam kita dalam membela nasib nelayan tempatan," katanya.

Salahuddin meluangkan masa setengah jam mendengar masalah dan berbincang dengan wakil 500 nelayan pantai timur dan utara yang hadir ke Parlimen melakukan demonstrasi dan menyerahkan memorandum tindakan penyelesaian isu nelayan asing.

Dalam perbualan bersama wakil nelayan itu, Salahuddin menjelaskan penyelesaian isu berkenaan bukan mudah, malah tindakan penguatkuasaan juga perlu dilakukan kepada nelayan tempatan.

"Selagi saya berada di sini, saya janji akan cuba sebaik mungkin (membantu nelayan) bersama empat kementerian (MOA, Kementerian Pertahanan, Kementerian Luar dan Kementerian Dalam Negeri).

"Mana-mana lesen atau pukat tidak munasabah saya akan rampas dan batalkan.

"Yang tempatan pun sama mana-mana pencerobohan ke zon lain (tidak ikut lesen) jika ditahan memang tidak ada ampun lagi," katanya.




NELAYAN dari pantai timur berkumpul di hadapan bangunan Parlimen membuat demonstrasi aman bagi membantah pencerobohan nelayan asing Vietnam dan Myanmar

KOMPLOT KLON BOT

# Gema tuntut pembelaan

■ *Lebih 500 nelayan pantai timur, utara buat demonstrasi aman depan Parlimen bantah pencerobohan nelayan asing, sistem alibaba*






| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/7/2019 | HARIAN METRO | SETEMPAT | 15 |






Skuad Khas Harian Metro
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Lebih 500 nelayan pantai timur dan utara tanah air berarak ke perkarangan luar bangunan Parlimen di sini, semalam bagi mengadakan demonstrasi aman membantah pencerobohan nelayan asing.

Seawal jam 8 pagi kumpulan nelayan berkumpul di sepanjang bahu jalan 50 meter dari pintu masuk bangunan Parlimen manakala pihak berkuasa juga sudah berkawal sejak awal.

Mereka membawa beberapa sepanduk sambil melaungkan takbir serta diiringi 'hapuskan alibaba' berulang kali.

Bagaimanapun, demonstrasi disertai nelayan dari Pahang,, Terengganu, Kelantan serta beberapa wakil dari Perlis, Kedah, Perak dan Pulau Pinang itu berlangsung dengan aman.

Tiga jam selepas itu, wakil nelayan menyerahkan memorandum kepada Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang yang turun dari kenderaan rasminya.

Lima wakil mereka kemudian memasuki bangunan Parlimen untuk bertemu Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Salahuddin Ayub bagi membincangkan isu itu serta menyerahkan memorandum.

Ketua demonstrasi berkenaan, Bahiyuddin Awang berkata, keletihan akibat menempuh perjalanan jauh sejak tengah malam kelmarin ke ibu negara tidak mematahkan semangat kumpulan nelayan itu berhimpun bagi memperjuangkan hak mereka.

**FAKTA**
*Penggunaan pukat hanyut, pukat tunda gandíng jejas terumbu karang*

Katanya, memorandum itu mendesak kerajaan mencari penyelesaian kepada isu pencerobohan nelayan asing yang sudah berlarutan sejak tujuh tahun lalu.

"Kita mahu kerajaan ambil tindakan tegas dan batalkan lesen yang dialibabakan nelayan tempatan jika perlu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) campur tangan dalam isu ini.

"Inilah punca semua masalah pencerobohan nelayan asing terutama Vietnam ini semakin mengganas dan berleluasa.

"Tindakan orang kita memberi sewa kepada tauke Vietnam ini menjejaskan pendapatan nelayan sedia menjadikan hasil tangkapan kita terjejas teruk.

"Kalau lima tahun dulu, empat hari di laut paling kurang pun kita dapat 2 tan hasil laut, tetapi sekarang hendak dapat 1 tan pun sakit," katanya semalam.

Nelayan dari Kuala Besar, Kota Bharu, Kelantan Mohd Kamal Husin,51, pula berkata, tindakan nelayan Vietnam menggunakan peralatan menangkap ikan yang diharamkan negara ini memusnahkan ekosistem perairan negara.

"Penggunaan pukat hanyut, pukat tunda ganding dan peralatan tangkap gamat patut dihapuskan.

"Ia menjejaskan terumbu karang dan habitat ikan hingga menjejaskan tangkapan kami," katanya.

Sementara itu, nelayan Kuala Terengganu, Mohd Rusdan Mamat, 47, berkata dia kerugian RM17,000 akibat bot miliknya dilanggar bot nelayan Vietnam hujung bulan lalu.

"Kami terjaga daripada tidur 2.30 pagi apabila mendengar dentuman kuat dan mendapati bot nelayan Vietnam melanggar kami dan terus melarikan diri.

"Bahagian depan bot saya rosak teruk. Dua minggu saya tidak turun laut kerana bot rosak dan kos membaikinya menelan belanja RM17,000," katanya.

Putrajaya

## DOF nafi beri lesen laut dalam kepada warga asing

Jabatan Perikanan (DOF) tidak pernah mengeluarkan lesen laut dalam untuk diberikan, disewa atau dipajak kepada warga asing, kata Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA).

Mengulas isu pencerobohan vesel nelayan asing ke perairan negara, MOA dalam kenyataan semalam berkata, DOF hanya mengeluarkan lesen kepada individu atau syarikat tempatan saja.

"Bermula September 2017, DOF melalui Jawatankuasa Penilaian Permit Laut Dalam bersetuju untuk tidak lagi mengeluarkan permit laut dalam untuk vesel perolehan dari luar negara (terpakai atau bina baru), kecuali hanya bina baru dalam negara melalui pemodenan vesel," katanya.

MOA berkata, dianggarkan negara hilang RM6 bilion hasil laut setiap tahun akibat pencerobohan nelayan asing dengan RM1.8 bilion adalah hasil laut dalam dan RM4.2 bilion laut pantai.

Bagi memastikan kedaulatan makanan negara dimartabatkan, tindakan teg[as] diambil dengan melaksanak[an] pemutihan vesel laut dalam bagi memastikan bot yang diberikan lesen adalah mematuhi undang-undang.

Kuala Lumpur

## Projek tambak laut PSR jejas 4,996 nelayan

**Pelaksanaan projek penambakan laut, Penang South Reclamation (PSR) akan menjejaskan 4,996 nelayan dengan 1,422 daripada mereka adalah nelayan tradisional Zon A.**

**Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, selain itu, sebanyak 51,184 tan metrik pendaratan ikan di Pulau Pinang bernilai RM555 juta juga terjejas akibat kemusnahan kekal itu.**

**"Selain itu, projek PSR juga akan menjejaskan seramai 511 penternak akuakultur (ikan marin) dengan pengeluaran 45,742 tan metrik bernilai RM1.67 bilion setahun," katanya di Dewan Rakyat, semalam.**

